Nama : _____ Kelas : _____

Prosa Moden – Sekeping Tanah

Rujuk cerpen 'Sekeping Tanah', halaman 146 dalam Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

> "Tanah itu cuma sekeping ...
> ... memandang wajah abangnya.
>
> (Dipetik daripada cerpen 'Sekeping Tanah', *Antologi Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Berdasarkan petikan, mengapakah Hisyam tidak mahu menjual tanah pusaka itu?
- **A** Ayah mereka mahu mereka tiga beradik menguruskan tanah itu dengan baik.
- **B** Syarikat keluarga telah ditubuhkan untuk menguruskan tanah tersebut.
- **C** Tanah itu istimewa kerana satu-satunya hadiah daripada ayah mereka.
- **D** Hisyam dan kakaknya, Halimah mahu membangunkan tanah tersebut.

2 Walaupun dibantah oleh Harun, Hisyam nekad dengan keputusannya supaya
- **A** tidak berlaku perbalahan antara anak-anak Harun, Hisyam dan Halimah.
- **B** kediaman mewah dalam bentuk kondo dapat didirikan untuk mereka di situ.
- **C** tanah pusaka yang berharga di bandar itu tidak bertukar tangan kepada pihak lain.
- **D** ayah mereka yang sudah meninggal dunia berasa tenang dan aman di dalam kubur.

3 Latar masyarakat yang cuba ditonjolkan melalui watak Harun dalam petikan ini ialah
- **A** masyarakat yang suka mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah.
- **B** masyarakat yang memanjakan anak-anak dengan harta benda dan wang ringgit.
- **C** masyarakat yang bijak berhujah untuk menutup niat buruk demi kepentingan diri.
- **D** masyarakat yang mahu berbuat sesuatu sebagai jaminan masa hadapan anak-anak.

4 Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ini?
- **A** Keseronokan yang merosakkan generasi muda
- **B** Kebijaksanaan merancang masa dengan baik
- **C** Keadilan dalam pembahagian harta pusaka
- **D** Kegigihan mencari rezeki untuk keluarga

5 Klimaks dalam cerpen 'Sekeping Tanah' ialah
- **A** Harun terkejut apabila mendapati Hisyam dan Halimah ialah pemilik Kondo Jaya.
- **B** Harun nekad tidak mahu menyertai Hisyam dan Halimah dalam syarikat keluarga.
- **C** Harun terlihat nama Hisyam sebagai pengurus pada papan kenyataan tapak kondo.
- **D** Harun tersenyum selepas mendapat wang dua juta lebih hasil jualan tanah pusaka.

LIVEWORKSHEETS

Prosa Moden – Bawod

Rujuk cerpen 'Bawod', halaman 56 dalam Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

> Loceng rehat kedengaran ...
> ... pantas merendah lumpur.
>
> (Dipetik daripada cerpen 'Bawod', *Antologi Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Berdasarkan petikan, Bawod tidak dapat menemani Tuyog kerana
   - **A** banyak sungai dalam perjalanan.
   - **B** sekolah terletak amat jauh dari rumah.
   - **C** Bawod takut akan air sungai dan hujan.
   - **D** Bawod tidak boleh berjalan di atas lumpur.

2 Apakah cara untuk mengekalkan kehidupan yang harmoni antara manusia dengan haiwan?
   - **A** Mewujudkan pusat-pusat penjagaan haiwan berbayar dengan lebih banyak
   - **B** Membawa haiwan ke kawasan yang banyak mempunyai kedai makan
   - **C** Meletakkan haiwan di tempat-tempat yang banyak orang seperti di pasar
   - **D** Memberikan perlindungan dan makanan kepada haiwan yang tidak bertuan

3 Semua yang berikut ialah perwatakan Beluntung dalam petikan ini, **kecuali** _____.
   - **A** tekun dan rajin menuntut ilmu di sekolah untuk berjaya dalam pelajaran.
   - **B** gigih menempuh dugaan dan perjalanan yang jauh untuk pergi ke sekolah.
   - **C** berdikari dengan menunggang Tuyog melalui jalan yang berlumpur ke sekolah.
   - **D** berfikiran positif dan sentiasa mengelakkan pergaduhan dengan rakan sekelas.

> Beluntung diam sahaja apabila diejek kerana badannya berbau kerbau.

4 Apakah nilai murni yang cuba ditonjolkan melalui pernyataan di atas?
   - **A** Kerajinan
   - **B** Kesabaran
   - **C** Kepatuhan
   - **D** Keberanian

5 Cerpen 'Bawod' berakhir apabila
   - **A** Beluntung dan Tuyog memenangi perlumbaan dalam Pesta Lumba Kerbau.
   - **B** Beluntung tersungkur ketika berlari untuk mendapatkan Bawod yang berlumuran darah.
   - **C** ayah Beluntung menyembelih Tuyog sempena kenduri kesyukuran kejayaannya.
   - **D** Beluntung berasa amat gembira apabila lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

LIVEWORKSHEETS